

12/07/1999

Kandungan pita kecam pemimpin diteliti

KOTA BHARU, Ahad - Polis Kelantan mengesahkan seorang ahli parti pembangkang membuat laporan menerima pita rakaman yang mengecam dan mengutuk kepimpinan kerajaan pusat dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pita itu dikirim oleh seseorang yang tidak dikenali, kepada Ahli Jawatankuasa Pas cawangan Kedai Mulong, Zainal Abidin Mat Yusof, Khamis lalu.

Zainal Abidin membuat laporan dan menyerahkan pita itu di Balai Polis Nilam Puri, pada jam 11.30 pagi semalam.

Ketua Polis Kelantan, Senior Asisten Komisioner I Datuk Mohd Yunus Othman, berkata polis masih meneliti kandungan pita rakaman berkenaan.

Menurutnya, polis sedang mengumpul maklumat untuk mengesan individu atau kumpulan yang terbabit dalam kegiatan itu.

"Berdasarkan siasatan yang dijalankan, kami mendapati kandungan pita itu mengecam kerajaan dan Perdana Menteri.

"Polis turut menjalankan pengecaman terhadap suara dalam pita berkenaan yang juga mengugut Zainal Abidin daripada terus bersuara seperti sebelum ini," katanya.

Sebelum ini, Zainal Abidin mengejutkan orang ramai apabila beliau menaikkan kain pemedang lambang Pas dengan bertuliskan perkataan 'Pas Bukan Parti Islam' di Jalan Kuala, berhampiran rumahnya.

Beliau berkata, polis menyifatkan kes itu mengikut Seksyen 506, Kanun Keseksaan kerana ugutan hendak mendatangkan kematian atau cedera parah.

Menurutnya, jika sabit kesalahan, boleh membawa kepada hukuman penjara tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Sementara itu, polis Kelantan akan mengadakan perjumpaan dengan semua wakil parti politik di seluruh negeri ini pada 15 Julai ini untuk menyelaraskan permohonan ceramah atau kempen yang diadakan menjelang pilihan raya.

Mohd Yunus berkata perjumpaan berkenaan akan membincangkan beberapa peraturan yang perlu dipatuhi oleh semua pemimpin parti politik dalam permohonan mereka mendapatkan permit ceramah.

(END)